



# Iktibar elak tragedi pilu berulang

Pengorbanan enam anggota bomba yang lemas dalam misi mencari dan menyelamatkan remaja lemas di lombong Putra Perdana, Puchong perlu dijadikan iktibar demi mendapat pembelaan yang sewajarnya. Kita tidak mahu kejadian menyayat hati ini berulang lagi di negara kita. Betul ini semua ketentuan takdir, namun sebagai manusia kita seawarnya sudah lama mengambil iktibar dan berusaha mencegah dan bukannya masih bekerja keras membetulkan setiap kesilapan yang berlaku.

Penulis turut tidak mahu ketinggalan untuk mengambil peluang ini bersama-sama dengan seluruh rakyat Malaysia untuk menzhahirkan ucapan takziah kepada semua ahli keluarga wira berkenaan. Sudah semestinya kita sangat terhutang budi kepada keenam-enam anggota ini kerana sanggup mengorbankan nyawa demi menyelamatkan mangsa dengan menjalankan tugas dan amanah dengan penuh dedikasi yang tinggi. Terima kasih wiraku. Sesungguhnya nilai pengorbanan mereka sangat mulia seperti kata Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri inilah syuhada kita. Mereka adalah insan terpilih dan mempunyai hati yang suci serta amat memahami tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan.

Kita tidak mampu untuk mengubah apa yang sudah berlaku apatah lagi mengembalikan kenam-enam mereka ke pangkuan keluarga, jadi besarlah harapan kita agar kaum keluarga akan sabar dan tabah menghadapi ujian ini. Dan apa yang paling penting sekarang ialah kita perlu membuktikan betapa pengorbanan mereka tidak sia-sia dan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Maksud di sini ialah sejauh mana anggota masyarakat kita mengambil iktibar dengan kejadian ini dan memastikan perkara seperti ini tidak berulang. Walaupun anggota bomba ini menjalankan tugas, namun kejadian ini tidak akan berlaku jika insiden remaja lemas tersebut tidak mengambil tempat.

Dalam hal ini sebelum kita bincang lebih terperinci, adalah diharapkan betapa penjelasan dan penegasan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bahawa semua anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) itu sudah mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang sudah ditetapkan dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) wajar menutup segala ruang dan peluang tohmahan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mempertikai mahupun mempersoalkan SOP mereka. Janganlah ada yang cuba melukakan hati kaum keluarga yang sedang pilu.

Berbalik kepada isu pokok,

anggota masyarakat perlu memberi perhatian yang lebih serius ke atas kes lemas yang berlaku di seluruh negara. Untuk rekod dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini saja seramai 300 mangsa lemas dicatatkan di seluruh negara. Angka itu menjadikan purata sekurang-kurangnya seorang mangsa lemas setiap hari dan statistik itu dianggap cukup membimbangkan. Perlu diakui juga kebanyakan kes membabitkan golongan kanak-kanak mahupun remaja. Sekali lagi memang betul ajal maut itu ketentuan takdir tetapi sekurang-kurangnya kita perlu ikhtiar untuk mencegah perkara tidak diingini daripada terus berlaku.

Dalam hal ini kita berharap sangat ibu bapa mengambil iktibar dengan tragedi pilu seperti ini. Pantau dan awasilah gerak geri dan aktiviti anak. Jangan biarkan mereka bermain bersendirian ketika melakukan aktiviti air seperti di pantai atau sungai dan juga perlu berhati-hati jika kawasan perumahan kita berhampiran dengan sungai atau lombong. Tidak salah anak bermain air mahupun ingin memancing, tetapi terlebih dulu perlu memastikan semua langkah keselamatan telah diambil sewajarnya.



LAPORAN Harian Metro 5 Oktober lalu.

Harus diingat, ibu bapa dan anggota masyarakat dapat mengelak atau mengurangkan tragedi lemas jika mempunyai pengetahuan yang lebih mengenai risiko kejadian lemas di mana-mana lokasi yang terbabit. Maksudnya kita perlu menilai dan mengambilkira keadaan risiko dan persekitaran sesuatu lokasi sebelum memulakan aktiviti atau membenarkan anak bermain di situ. Misalnya, jika jelas ada larangan untuk bermandi atau memancing oleh pihak berkuasa pastikan anak mematuhi amaran tersebut. Begitu juga jika sesuatu lokasi itu dikenal pasti sebagai lokasi yang kerap berlaku sesuatu

tragedi wajar kita elak untuk menggunakan lokasi tersebut. Ingat kedegilan kita mahupun anak boleh mengancam keselamatan nyawa.

Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa juga untuk memberi latihan pendidikan dan kemahiran yang sewajarnya kepada anak seperti pengetahuan mengenai risiko aktiviti air, kemahiran berenang dan cara menyelamatkan diri jika berlaku sesuatu ketika terbabit dengan aktiviti air. Hal ini sangat penting kerana tidak selalu kita akan mendapat bantuan orang ketika berlaku sesuatu. Jadi ilmu survival diri atau ikhtiar hidup akan banyak membantu menyelamatkan diri sendiri.

Pada masa sama, setiap ahli masyarakat juga wajar mengambil peluang mempelajari kemahiran asas bagi menyelamatkan atau menolong mangsa lemas seperti mempelajari teknik asas bantuan awal pernafasan *cardiopulmonary resuscitation* (CPR). Dengan ini, sekurang-kurangnya kita dapat menghulurkan bantuan awal sebelum anggota penyelamat sampai dan percayalah ini akan banyak membantu menyelamatkan nyawa mangsa lemas.

Kita juga berharap agar semua pihak berwajib seperti pihak berkuasa tempatan turut mengambil iktibar dengan

kejadian ini dengan menilai serta memantau sungai mahupun lombong yang dikategorikan bahaya dan berisiko tinggi di kawasan masing-masing. Sila ambil langkah pencegahan secara proaktif sebelum sesuatu kejadian berlaku. Jika perlu tutup maka eloklah tutup dengan segera dan lokasi yang berisiko tinggi wajar dihebahkan kepada anggota masyarakat supaya lebih berhati-hati.

Cukuplah bilangan anggota masyarakat yang terkorban angkara lemas setakat ini dan kita juga tidak sanggup lagi kehilangan anggota pasukan penyelamat yang terpaksa menyabung nyawa menyelamatkan mereka. Ambil iktibar dan marilah kita menjaga keselamatan diri dan keluarga supaya dapat mengelak daripada perkara tidak diingini. Kepada semua anggota pasukan keselamatan terutama enam wira ini, anda adalah wira yang tak didendang, kami sangat hormat segala jasa, sumbangan dan pengorbanan kalian selama ini. Terima kasih wiraku. Al-Fatihah buat semua wira yang terkorban, semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia

## Dialog Kotaraya

## Oleh Juragan

